



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **PENGAPLIKASIAN RUKHSAH DALAM KURIKULUM SEKOLAH AGAMA PETANG PERLIS (SAPPS), MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPS)**

*APPLICATION OF RUKHSAH IN THE PERLIS AFTERNOON RELIGIOUS  
SCHOOL CURRICULUM (SAPPS), PERLIS ISLAMIC RELIGIOUS AND  
MALAY CUSTOMS COUNCIL (MAIPS)*

Hazman Hassan<sup>1\*</sup>, Muhammad Isyraf Ishak<sup>2</sup>, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz<sup>3</sup>, Mohd Akram Dahaman @ Dahl<sup>4</sup>, Mohd Nazim Mohd Noor<sup>5</sup>

<sup>1</sup> School of Languages, Civilization and Philosophy (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia

Email: hazman@uum.edu.my

<sup>2</sup> Islamic Religious Affairs Department of Perlis (JAIPs), Kangar, Perlis, Malaysia

Email: isyrafishak13@gmail.com

<sup>3</sup> Languages & General Studies Department, Faculty Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Arau, Perlis, Malaysia

Email: kasturi@unimap.edu.my

<sup>4</sup> School of Languages, Civilization and Philosophy (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia

Email: akram@uum.edu.my

<sup>5</sup> Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs), Kangar, Perlis, Malaysia

Email: mohdnazim@maips.gov.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

#### **To cite this document:**

Hassan, H., Ishak, M. I., Abd Aziz, M.K.N. Dahaman @ Dahl<sup>4</sup>, M.A., Mohd Noor, M.N. (2024). Pengaplikasian Rukhsah dalam

### **Abstrak:**

Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail telah mengilhamkan sebuah prakarsa Pendidikan Islam Peringkat Sekolah Rendah dinamakan Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPS), yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Pada tahun 2018, SAPPS MAIPs dilancarkan bagi memastikan penghayatan Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah terus dipusakai kepada generasi pelapis Perlis, seperti yang dihasratkan oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis. Dalam kurikulum SAPPS MAIPs, rukhsah iaitu suatu ketetapan hukum yang disyariatkan disebabkan oleh suatu keuzuran dan kesusahan, telah diterapkan menerusi

Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 343-355.

DOI: 10.35631/IJEPC.954025

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pengajaran ibadah. Oleh yang demikian, kertas ini mengusahakan analisis pengaplikasian rukhsah dalam kurikulum SAPPs MAIPs.

#### Kata Kunci:

Pendidikan Fiqh Peringkat Rendah; Pendidikan Islam; Rukhsah; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs); Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs)

#### Abstract:

*Raja Muda of Perlis*, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail has inspired an Islamic Education initiative at the primary school level known as the Perlis Afternoon Religious School (SAPPs), which is operated by the Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs). In 2018, SAPPs MAIPs was launched to ensure that the appreciation of *Ahli Sunnah wal Jamaah* methodology is continuously inherited by the future generations of Perlis citizen, as desired by DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, the *Raja* of Perlis. In the SAPPs MAIPs curriculum, *rukhsah* which is a legal ruling that is mandated due to an illness and hardship, has been implemented through the teaching of worship. Therefore, this paper analyses the application of *rukhsah* in the SAPPs MAIPs curriculum.

#### Keywrds:

Elementary Fiqh Education; Islamic Education; *Rukhsah*; Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs); Perlis Afternoon Religious School (SAPPs)

## Pengenalan

Islam merupakan agama yang sangat meraikan keperluan manusia. Hal ini terbukti dengan adanya fleksibiliti fiqh Islam yang dimanifestasikan melalui prinsip-prinsip rukhsah. Menurut Ibn Manzur (2010, 7:40), rukhsah secara literal membawa maksud memudahkan atau menyenangkan. Dari sudut istilah rukhsah adalah kelonggaran yang Allah SWT berikan kepada hamba pada perkara-perkara yang Allah ringankannya disebabkan wujud keuzuran yang khusus.

Walau bagaimanapun, kewujudan rukhsah sebagai “hadiyah daripada Allah” kepada hamba-hamba-Nya tidaklah bermanfaat melainkan pengaplikasian rukhsah dipelajari dan dihayati oleh segenap umat Islam. Justeru, adalah sangat relevan untuk Pendidikan Agama Islam peringkat rendah seperti Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memasukkan pengaplikasian rukhsah ke dalam kurikulumnya.

## Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Penubuhan dan Perkembangannya

Subtopik ini membincarakan pengasasan MAIPs sebagai sebuah Majlis Agama Islam yang menubuhkan SAPPs serta perkembangannya sehingga kini. Sejak Negeri Perlis telah menyaksikan bahawa kecemerlangan MAIPs sebagai institusi Islam Negeri Perlis yang sentiasa kehadapan membela Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah ketika berada di bawah kemudi dua orang Putra Wangsa Jamalullail iaitu Raja Pemerintah Negeri Perlis sendiri, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Hazman dan Mohd Nazim (2020) mengaitkan pengasasan MAIPs dengan The Muhammadan Marriages (Separation) Amendment Enactment No. 14 berkaitan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk telah diluluskan pada 19 Zulhijjah 1337H bersamaan 12 September 1919. Pada 27 Jamadil Akhir 1340H bersamaan 24 Februari 1922 pula, Shariah Court Enactment No. 5 telah diwartakan. Enakmen ini telah diluluskan dalam mesyuarat Perlis State Council atau Majlis Mesyuarat Negeri Perlis setelah mendapat perkenan daripada Almarhum Raja Syed Alwi Ibni Syed Safi Jamalullail (1904-1943). Bertitik tolak daripada penggubalan enakmen ini maka ia dikatakan sebagai asas penubuhan MAIPs yang berkuasa kepada pentadbiran hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu seperti pengurusan kutipan zakat, fatwa, pendidikan Islam dan lain-lain.

Minit-minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri Perlis sekitar tahun 1919 hingga 1922, dikatakan sebagai cadangan awal yang merintis kepada penubuhan MAIPs telah diangkat pada sekitar tahun 1920. Walau bagaimanapun, MAIPs pada ketika itu berperanan sebagai Dewan Penasihat Raja yang dipengerusikan oleh Raja Syed Alwi Jamalullail sendiri dan dianggotai oleh semua Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perlis seperti Haji Mohd Noor Bin Haji Muhammad dan Dato' Wan Teh Bin Dato' Arau, kecuali Penasihat British yang tidak beragama Islam.

Teori yang menjadi asas pengambilan 1920 sebagai tahun permulaan MAIPs berdasarkan kepada perbandingan dengan beberapa buah negeri Melayu yang menubuhkan Majlis Agama Islam masing-masing juga pada sekitar tahun 1900-an iaitu:

- a. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ditubuhkan pada 17 Safar 1334H bersamaan 24 Disember 1915.
- b. Majlis Agama Islam Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1925.
- c. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) ditubuhkan pada tahun 1926.

Secara tidak langsung, teori penubuhan MAIPs pada tahun 1920 adalah lebih berasas dan kukuh. Pada tahun 1948, Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis telah dikurniakan, maka nama MAIPs mula disebut dan digunakan secara arus perdana sehingga hari ini. Perkara 6(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, memberi kuasa kepada Raja Pemerintah Negeri Perlis agar menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), yang bertanggungjawab menasihati DYMM Tuanku Raja Perlis dalam urusan hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu.

Ekoran daripada itu, pada 26 Safar 1369H bersamaan 18 Disember 1949, undang-undang khas penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis secara rasmi telah diluluskan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri. Undang-undang ini seterusnya telah mendapat perkenan daripada Almarhum DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 6 Rabiul Awal 1369H bersamaan 27 Disember 1949.

Sebelum tahun 1949, MAIPs beroperasi sebagai Pejabat Zakat dan Fitrah yang dilaksanakan di Pejabat Pemeriksa Kira-kira Kerajaan Perlis. Pada tahun 1951 Pejabat Zakat dan Fitrah Perlis mempunyai bangunan sendiri di Jalan Hospital, Kangar. Pada tahun 1964, MAIPs telah dijadikan sebagai sebuah badan berkanun setelah diperkenankan oleh Pemangku Raja Perlis ketika itu, Almarhum Tengku Suleiman Ibni Almarhum Tengku Bendahara Abu Bakar pada 27 Februari 1964. Hal ini telah mengangkat kedudukan MAIPs untuk bergerak lebih efisyen bagi memikul tanggungjawab besar merealisasikan agenda pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di Perlis.

Selanjutnya pada tahun 1988, Enakmen Baitulmal dan Zakat telah digubal. Sehingga awal tahun 2000, MAIPs telah memantapkan Pengurusan Baitulmal (Wakaf & Sumber Am) dan Zakat. Pelbagai Skim Agihan telah diwujudkan dan Garis Panduan Agihan Zakat telah dimantapkan. Pada era ini, MAIPs telah bergerak kerja berteraskan atas awal pemantapan dalam Pengurusan Zakat dan Wakaf serta Sumber Am di Perlis. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang menjadi Yang DiPertua MAIPs ke-7 bermula pada tahun 1986 telah menjadi kekuatan dasar Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Perlis. Baginda kerap merujuk tokoh-tokoh agama, dan menjadi tonggak ketinggian agama Islam di negeri Perlis (Mohd Nazim & Hazman, 2018).

Bertepatan pada 14 April 2006 bersamaan 15 Rabiul Awal 1427H, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 telah diperkenankan oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Pemangku Raja Perlis ketika itu. Baginda menjadi Yang DiPertua MAIPs ke-8 telah memulakan langkah atas kepada transformasi pengurusan MAIPs. "Program MAIPs Peduli" yang diperkenankan oleh DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra dalam menyantuni warga asnaf dengan berbasikal dan diketuai oleh baginda sendiri untuk singgah di rumah-rumah asnaf di seluruh Negeri Perlis, selain menjadi rutin untuk baginda singgah untuk menunaikan solat berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Perlis telah menzahirkan sifat keperihatinan baginda terhadap rakyat di Negeri Perlis.

Dalam bidang pendidikan, Raja Muda Perlis ini sentiasa menjadikan pendidikan sebagai sesuatu yang amat dekat dengan hati baginda. Baginda telah berkenan untuk menubuhkan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) serta turut memberikan perhatian kepada pendidikan di Sekolah-sekolah Agama dan Maahad-maahad Tahfiz di negeri Perlis. Inisiatif pelaksanaan Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) turut diperkenankan oleh baginda, selain mengurniakan biasiswa-biasiswa MAIPs kepada warga asnaf. DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail amat memberikan perhatian istimewa kepada usaha dakwah dan perkongsian ilmu. Baginda telah merasmikan penubuhan "Centre of Sunnah MAIPs" serta mewujudkan Institut Sunnah dan Irsyad (ISNAD) dan Skim Muballigh MAIPs di Jabatan Mufti Negeri Perlis. Kecintaan Baginda kepada budaya ilmu di Negeri Perlis turut terzahir apabila baginda sering berangkat menghadiri pelbagai program wacana ilmu.

Menyentuh aspek hal ehwal antarabangsa, DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra turut membawa dimensi baru kepada pengantarabangsaan MAIPs. Baginda sentiasa membawa nama MAIPs dalam setiap kesempatan keberangkatan rasmi atau kunjungan peribadi baginda ke luar negara. Baginda tidak lupa untuk meraikan anak-anak warga Perlis yang bermastautin di luar negara dalam "Program Tautan Ukhuvwah", serta berkongsi perkembangan terkini tanah air bersama komuniti Malaysia dan penduduk tempatan di luar negara. Saban tahun, DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra akan memperkenankan MAIPs untuk mengadakan perkongsian pintar dan pengalaman bersama Majlis-majlis Agama Islam di 6 Wilayah Andaman Thailand yang meliputi Satun, Trang, Phuket, Krabi, Phang Nga dan Ranong. Meniti tempoh satu kurun usianya dalam pelbagai suka dan duka, didoakan MAIPs terus cemerlang dalam mendepani ujian masa akan datang seperti slogannya "Menjunjung Syiar, Memaju Ummah".

### **Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah di Negeri Perlis**

Pendidikan Agama Islam peringkat rendah merupakan warisan yang digagaskan oleh Rasulullah SAW. Nabi Muhammad SAW sangat menitik beratkan pendidikan, bermula dari peringkat kanak-kanak yang dididik oleh baginda SAW sendiri dengan penuh kasih sayang.

Hal ini seperti mana yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW ketika menasihat Abdullah bin Abbas:

Maksudnya: “Pada suatu hari aku berada di belakang Rasulullah SAW lalu baginda bersabda: “Wahai budak! Sudilah kiranya aku mengajarkan kepadamu beberapa kalimah: ‘Peliharalah Allah, nescaya Dia akan memeliharamu. Peliharalah Allah, kamu akan mendapati-Nya bersamamu. Apabila kami meminta pertolongan maka mintalah pertolongan daripada Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya jika seluruh manusia berhimpun untuk memberi sesuatu manfaat kepadamu, mereka sesekali tidak akan dapat memberi manfaat itu kepadamu kecuali sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah kepadamu. Sekiranya mereka berhimpun untuk mendatangkan bencana kepadamu, mereka tidak akan dapat mendatangkannya kecuali sesuatu yang telah ditetapkan Allah ke atasmu. Telah diangkat kalam dan telah keringlah lembaran”(al-Tirmidhi, 1996, No: 2516)

Pendekatan Rasulullah SAW dalam menanggapi Pendidikan Agama Islam peringkat rendah telah diwariskan ke generasi seterusnya sehingga lahirnya kaedah pengajaran kuttab di Dunia Islam yang menjadi tempat kanak-kanak mempelajari ilmu-ilmu asas sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat berikutnya di masjid, suffah atau madrasah (As-Sirjani, 2011). Bagi rumpun melayu, pengaruh tradisi Pendidikan Agama Islam peringkat rendah dari Semenanjung Tanah Arab diharmonikan pelaksanaanya di Alam Melayu sehingga wujudnya pondok serta pelbagai institusi rasmi dan tidak rasmi dengan tujuan yang sama.

Di Semenanjung Tanah Melayu, selain pendekatan pengajian al-Qur'an secara tidak formal di pelbagai tempat, Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah telah diperkenalkan menerusi Sekolah Agama Johor atau nama asalnya Sekolah Kitab yang menggunakan pengantar bahasa Melayu. Ia telah diiktiraf oleh Sultan Ibrahim (1873-1959) pada tahun 1918 dan sistem ini dikenali sebagai Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Johor (JAJ) melalui Majlis Agama serta Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pelaksanaan sekolah berteraskan pendidikan agama Islam peringkat rendah di negeri Johor.

Di Negeri Selangor, pelaksanaan Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah dimulakan sejak wujudnya kelas-kelas al-Quran yang ditambahkan subjek Ibadah, Tauhid dan Akhlak semasa pemerintahan Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah (1898-1938). Pada tahun 1960, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan dua bentuk aliran persekolahan iaitu Sekolah Arab hingga Rabi' Thanawi dengan pengantar Bahasa Arab, serta Sekolah Agama Darjah Khas dengan pengajaran dalam Bahasa Melayu dan Arab. Sekolah Agama Selangor mula melaksanakan Sijil Penilaian Rendah Agama (SPRA) dan kemudiannya digantikan dengan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) pada tahun 2000.

Bagi Negeri Perlis, pendidikan agama Islam Peringkat Rendah telah dilaksanakan di masjid, surau, pondok serta di rumah-rumah Guru Agama, sebagaimana kelaziman di negeri-negeri lain juga. Walau bagaimanapun, usaha untuk menaiktaraf Pendidikan Awal Islam serta mengintegrasikannya ke dalam sistem pendidikan arus perdana didapati telah bermula selewat-lewatnya pada satu abad lampau iaitu pada zaman pemerintahan Almarhum Raja Syed Alwi Ibni Syed Safi Jamalullail (1904-1943). Seawal tahun 1917, sebuah “Sekolah” Pendidikan Awal Islam pertama di Negeri Perlis telah dibuka di Jalan Besar, Bandar Diraja Arau.

Seorang tokoh ulama' gerakan tajdid Islam iaitu Syeikh Hassan Surabaya telah berkerjasama menubuhkan sekolah ini dengan Haji Pilus, Guru Besar Sekolah Melayu Arau. Sekolah Melayu Arau yang ditubuhkan pada tahun 1888 dan kini dikenali sebagai Sekolah Tengku Budriah, merupakan sekolah aliran melayu pertama di Negeri Perlis. Justeru, sekolah ini tidak ketinggalan daripada menyediakan pendidikan sekolah rendah kepada anak-anak golongan elit melayu khasnya kerabat diraja Wangsa Jamalullail dan para pembesar negeri.

Sekolah Pendidikan awal Islam ini dilaksanakan dengan pendekatan subjek-subjek arus perdana diajar Sekolah Melayu Arau, manakala subjek-subjek Diniyah iaitu Pendidikan Islam dilaksanakan di "Sekolah" Syeikh Hassan. Dalam kaitan ini Shukor Mat (2001) mencatatkan: "Menurut cerita Haji Abdullah Hussin, bentuk rumah Syeikh Hassan ialah rumah bumbung lima dengan beratap rumbia dan berdinding papan. Apa yang menyebabkan Haji Abdullah dan Tengku Adnan ke rumah Syeikh Hassan ialah kerana pada masa itu di Sekolah Melayu Arau tidak diajar pelajaran agama. Oleh itu Guru Besarnya pada masa tersebut yang dipanggil Pak Pilus menyuruh murid-muridnya ke rumah Syeikh Hassan pada setiap hari persekolahan untuk belajar agama dari jam 11.00 sehingga jam 12.00 tengah hari."

Oleh itu, pendekatan yang mirip SAPPs MAIPs pada hari ini telah pun bertapak lebih awal di Negeri Perlis. Selaras dengan peredaran masa, pendidikan Agama Islam peringkat rendah turut dilaksanakan di Negeri Perlis menerusi kelas-kelas al-Qur'an MAIPs. Sebelum dipanggil sebagai Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA) secara rasmi, kelas-kelas fardu ain dan al-Quran untuk kanak-kanak dikendalikan MAIPs sejak sebelum merdeka. Kelas-kelas tersebut berlangsung selama lima hari seminggu dan hanya tertumpu kepada pengajian al-Quran tanpa melibatkan pengajian fardu ain. Elaun yang diberikan untuk guru-guru yang mengajar di kelas-kelas tersebut adalah sebanyak RM120.00 sebulan.

Pada awal Jun 1990, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, telah melancarkan rancangan KAFA di seluruh negara dengan hasrat mewujudkan satu sistem kelas pengajian al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang kemas dan seragam. Menurut Nidzamuddin (2006), rentetan daripada pelancaran KAFA ini, guru-guru al-Quran MAIPs mula diserapkan secara sedikit demi sedikit ke dalam program KAFA Negeri Perlis, bergantung kepada kemahiran mereka dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) KAFA. Oleh itu guru-guru terlatih yang merupakan lepasan Maktab Perguruan, diberikan keutamaan. Pada masa itu perjalanan KAFA hanya beroperasi di sekolah-sekolah terpilih yang dinamakan "Sekolah Contoh KAFA" dengan jumlah kelas yang terhad.

Pada tahun 1991, KAFA mula beroperasi di masjid-masjid, surau-surau dan dewan orang ramai seluruh Negeri Perlis. Oleh itu, seluruh guru al-Quran MAIPs telah diserapkan sepenuhnya ke dalam program ini. Pada peringkat awal penubuhan KAFA juga, pengurusannya diletakkan di bawah Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). Apabila Unit Ukhuwah menguruskan kelas-kelas al-Quran untuk muallaf yakni saudara-saudara baru di Perlis, KAFA diletakkan di bawah unit tersebut oleh sebab perkaitannya dengan kelas al-Quran. Selepas lapan tahun ditempatkan di Bahagian Dakwah JAIPs, pengurusan KAFA akhirnya telah dilelakkan di Bahagian Pendidikan, JAIPs.

Sebelum penubuhan SAPPs di Perlis, KAFA telah pun beroperasi di bawah kelolaan dan pembiayaan JAKIM. Kelas KAFA berlangsung selama tiga hari seminggu yang melibatkan pengajian al-Quran dan fardu ain. Elaun yang diberikan kepada Guru KAFA adalah sebanyak RM 900.00. Oleh yang demikian, KAFA di Negeri Perlis adalah usaha sama MAIPs dengan

Kerajaan Persekutuan yang meneruskan kesinambungan kelas-kelas al-Quran kelolaan MAIPs yang sedia ada. Di samping itu, demi memastikan kejayaan Pendidikan Agama Islam peringkat rendah di Negeri Perlis, MAIPs turut berkerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis, yang mengendalikan pelaksanaan subjek-subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah KPM seluruh Perlis.

### **Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs**

Projek Rintis SAPPs dilaksanakan oleh MAIPs dengan diurus setiakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNP) bagi menjunjung titah DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang dizahirkan dalam tujuh (7) amanat Baginda pada 20 April 2017. Amanat yang ketiga (3) berbunyi seperti berikut (Hazman dan Mohd Nazim, 2020):

“Anak-anak di Negeri Perlis hendaklah mewarisi kefahaman yang jelas tentang Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dipegang dan diamalkan di dalam negeri ini. Mereka merupakan pewaris kita. Usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan hal ini hendaklah dipertingkatkan. Maka, sukanan pengajian agama di peringkat awal (sekolah) hendaklah selaras dengan pegangan Perlis ini”

Berikutan dengan itu, Kertas Cadangan Pelaksanaan SAPPs telah disediakan oleh Bahagian Pendidikan, JAIPs dan dibentangkan dalam mesyuarat bersama MAIPs yang dipengerusikan oleh DYTMR Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Tuanku Yang DiPertua MAIPs. Selaras dengan titah DYTMR Raja Muda Perlis, SAPPs telah dintegrasikan bersama kurikulum KAFA JAKIM dan kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh ahli Majlis Mesyuarat. Selain itu, JAIPs juga telah mendapatkan kebenaran melalui mesyuarat bersama Jawatankuasa KAFA Perlis berkenaan pelantikan Guru KAFA sebagai Guru SAPPs dan penambahan pada kurikulum KAFA.

Dengan pertolongan Allah, Projek Rintis SAPPs mula dijalankan secara berperingkat-peringkat. Sebanyak 15 buah sekolah rendah yang dipilih bagi mewakili setiap 15 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Negeri Perlis pada peringkat pertama di tahun 2018. Projek ini bermula dengan kelas tahun satu. SAPPs dilaksanakan pada setiap petang hari Jumaat selama tiga jam selepas sesi persekolahan perdana. SAPPs telah dilaksanakan sepenuhnya mulai bulan Januari 2019 pada setiap petang hari Rabu selama tiga jam. Murid tahun satu, sesi 2019 telah dipilih sebagai pelajar SAPPs di 70 buah sekolah rendah yang dipilih bagi setiap 15 Dewan Undangan Negeri. Pada tahun 2020 pula, SAPPs diteruskan pelaksanaannya pada setiap petang hari Jumaat di 80 buah sekolah rendah yang dipilih di seluruh Negeri Perlis, disertai oleh murid-murid tahun satu sesi 2020.

Seorang Guru SAPPs diperlukan bagi setiap satu kelas, menjadikan bilangan guru yang disediakan adalah sebanyak 320 orang di seluruh sekolah rendah Negeri Perlis pada tahun 2020. Pada tahun 2021 hingga 2023, guru-guru SAPPs adalah terdiri daripada lima orang Guru KAFA bagi setiap 86 buah sekolah menjadikan bilangan mereka sebanyak 430 orang Guru SAPPs / KAFA. Guru SAPPs juga merupakan Guru KAFA lantikan JAKIM yang memenuhi syarat kelayakan minimum. Selain itu, peruntukan bagi elauan bulanan Guru SAPPs adalah daripada MAIPs sendiri. Sehingga 2024, bilangan Guru SAPPs telah mencapai jumlah 560 orang di seluruh negeri Perlis.

Kurikulum SAPPs digagaskan daripada wawasan DYTMR Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Tuanku Yang DiPertua MAIPs bagi menyambut titah DYMM Tuanku

Syed Sirajuddin Jamalullail dalam amanat baginda yang ketiga. Ia juga merupakan kurikulum perintis di Malaysia kerana keunikannya yang berdasarkan kepada dalil yang sahih, tanpa terikat dengan sesebuah mazhab fiqh tertentu dengan berpandukan semangat perlembagaan Negeri Perlis iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Oleh itu kurikulum yang diajar dalam SAPPs disaring dan dinilai berdasarkan pandangan fiqh yang terbaik berdasarkan kekuatan dalil naqli yang kukuh. Ia juga merupakan salah satu daripada usaha berterusan MAIPs bagi mendidik dan membentuk masyarakat Islam ke arah perkembangan fitrah insan selaras dan bertepatan dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah. Bagi memperkasakan aspek pengajian al-Quran dalam SAPPs, DYT Muda Perlis turut berkenan melancarkan *Tafsir Ringkas Faizuddin Juz 30* pada 27 Mac 2024, sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran murid-murid SAPPs.

Kelas-kelas SAPPs diwajibkan untuk menggunakan kurikulum atau sukatan mata pelajaran SAPPs yang telah disediakan oleh JAIPs. Kurikulum SAPPs dirancang bagi memenuhi tujuan untuk memantap dan memperkuatkan fardu ain dalam kalangan anak-anak Islam yang berumur 7 tahun di samping untuk memahami dengan jelas tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Asas pendidikan dan kemahiran dalam kurikulum SAPPs ditumpukan kepada pengamalan dan penghayatan perkara-perkara fardu ain dalam Islam merangkumi perkara-perkara akidah, ibadah dan akhlak.

Kurikulum SAPPs yang telah digubal oleh panel pakar yang berpengalaman dan menjadi hakcipta MAIPs digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran SAPPs di seluruh Negeri Perlis. Beberapa siri bengkel semakan draf buku teks dan buku latihan SAPPs dilaksanakan secara berkala. Aktiviti semakan dan penilaian draf buku teks dan buku latihan SAPPs ini disertai oleh panel penilai daripada JAIPs, Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Guru KAFA. Buku teks dan buku latihan SAPPs dibekalkan secara percuma kepada pelajar bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Keperluan Bahan Bantu Mengajar (BBM) juga disediakan kepada Guru SAPPs bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Jadual perkembangan pelaksanaan SAPPs MAIPs adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Perkembangan Pelaksanaan SAPPs MAIPs, 2018-2024**

Tahun	Bilangan Premis	Bilangan Guru	Bilangan Murid	Peruntukan MAIPs (RM)
2018	18	30	465	368,000.00
2019	60	119	1,599	988,888.00
2020	70	235	3,837	2,500,000.00
2021	70	375	6,488	3,000,000.00
2022	70	386	6,500	3,000,000.00
2023	70	386	9,628	4,274,263.00
2024	80	540	18,579	3,450,242.80
Jumlah Keseluruhan				17,581,394.60

### **Kedudukan Rukhsah dalam Ibadat**

Rukhsah ialah suatu ketetapan hukum yang disyariatkan disebabkan oleh suatu keuzuran dan kesusahan. Dalil al-Quran yang menunjukkan kewujudan konsep rukhsah dalam Islam ialah firman Allah S.W.T dalam Al-Quran yakni Surah al-Baqarah (2):185:

Maksudnya: “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”

Berdasarkan ayat di atas dapat diketahui sesuatu perintah agama yang disyariatkan tidak akan memberati atau tidak akan sesekali menjangkaui kemampuan seseorang mukalaf. Dengan mengetahui rukhsah-rukhsah, kadar mukalaf yang meninggalkan kewajipan dapat dikurangkan.

Menurut Mohammad Isyraf (2021), para fuqaha' membahagikan hukum mengambil rukhsah kepada beberapa bahagian iaitu Rukhsah Wajib, Rukhsah Mandub, dan Rukhsah Mubah. Rukhsah Wajib ialah rukhsah yang diberikan oleh Syarak apabila berlaku pertembungan antara maslahat agama dengan maslahat nyawa (al-Hariri, 1998: 101). Seterusnya, Rukhsah Mandub merupakan rukhsah yang diberikan Syarak kepada seseorang yang berada dalam keadaan hajat dan mempunyai syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh Syarak. Jika syarat-syarat tersebut lengkap ketika itu dibolehkan mengambil rukhsah tersebut. Adapun Rukhsah Mubah ialah rukhsah yang diberikan Syarak kepada seseorang mukalaf untuk memilih sama ada rukhsah atau 'azimah dalam keadaan tertentu. (al-Tufi, 1987.1:465).

Situasi darurah mempunyai hubungan rapat dengan rukhsah. Al-Darurah dari sudut bahasa berasal dari perkataan 'al-Dar' bermaksud berlawanan dengan manfaat, Masyaqqah iaitu kesusahan dan al-Hajat iaitu keperluan. Menurut Wahbah al-Zuhayli (1998: 5) al-Darurah bermaksud keadaan berbahaya atau kesusahan yang menimpa seseorang manusia hingga menimbulkan rasa bimbang berlaku kemudaratan atau kesakitan kepada diri, anggota badan, harta benda, akal fikiran, dan seumpamanya.

Oleh itu, seseorang yang terlibat dalam situasi ini diharuskan melakukan apa yang diharamkan, meninggalkan apa yang diwajibkan atau melewatkannya pelaksanaan ibadah dari waktu yang sepatutnya mengikut kehendak syarak. Dalam mengambil rukhsah ketika darurat, perlu dipastikan agar tidak berlebih-lebihan dan dilakukan sekadar yang perlu sahaja. Seseorang mukalaf dibenarkan melakukan perkara yang diharamkan dalam keadaan darurat. Namun, haram untuknya berterusan melakukan perkara yang diharamkan syarak itu jika mudarat telah tiada. (al-Zarqa', 1989:188).

Dalam ibadat, terdapat beberapa bentuk rukhsah yang disenaraikan oleh para ulama, antaranya ialah Rukhsah Mengugurkan Kewajipan Sesuatu Perintah. Rukhsah ini dinyatakan oleh 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (2000,7:12) ketika menerangkan jenis keringanan yang diberikan ketika keuzuran iaitu keringanan menggugurkan sesuatu perintah kerana wujud keuzuran yang jelas seperti gugur kewajipan solat Jumaat, puasa, haji dan umrah dengan sebab wujud keuzuran yang jelas.

Bentuk rukhsah yang kedua ialah Rukhsah Mengurangkan Kadar Perintah, iaitu mengurangkan hukum agama dari sudut kaedah perlaksanaan. Ia melibatkan perubahan daripada kesusahan kepada kemudahan dengan mengurangkan syarat asalnya kepada kaedah yang lebih ringan menurut kemampuan mukalaf disebabkan wujud keuzuran seperti qasar solat. (Ibn Rushd al-Andalusi, t.th:211). Bentuk rukhsah dalam ibadat yang ketiga dalam Rukhsah Menggantikan Perintah iaitu menggantikan hukum asal dengan perintah yang lain kerana terdapat masyaqqah atau kepayahan. ('Izz al-Din 'Abd al-Salam, 2000, 7: 12). Rukhsah Mendahulukan atau Mentakhirkan Perintah pula melibatkan keringanan dalam waktu pelaksanaan sesuatu ibadat. (Ibid: 2000, 2: 12).

Rukhsah Kerana Darurat ialah bentuk rukhsah kelima. Al-Suyuti (1983, h. 82) memerihalkan rukhsah ini sebagai keringanan yang wujud berpunca daripada darurat yang menghalang

mukalaf daripada melakukan sesuatu perintah dengan sempurna seperti mengerjakan solat dalam keadaan bernajis kerana sakit atau memakai pakaian yang bernajis kerana wujud darurat. Rukhsah Mengubah Perlaksanaan Sesuatu Perintah kerana Masyaqqah merupakan bentuk rukhsah keenam di mana Syarak memberikan keringanan kepada seseorang mukalaf untuk melaksanakan sesuatu perintah atau ibadat dengan kaedah yang lain daripada kaedah asal menurut panduan Syarak. Rukhsah ini dibenarkan ketika terdapat masyaqqah atau maslahah yang lebih besar seperti rukhsah solat khauf yakni solat dalam keadaan takut dan syiddatul khauf iaitu terlalu takut. (Al-Suyuti 1983: 82)

### **Pengaplikasian Rukhsah dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs MAIPs)**

Dalam kurikulum SAPPs MAIPs, pengaplikasian rukhsah diajarkan dalam subjek ibadat. Makalah ini akan memfokus kepada pengajaran tayamum dalam fiqh bersuci bagi subjek ibadat dalam buku teks SAPPs MAIPs Tahun Tiga. Halaman 54 sehingga 55 buku teks SAPPs MAIPs Tahun Tiga (2021) memerincikan Unit 2 bagi “Syarat Untuk Bertayamum” seperti berikut:

“Antara syarat untuk bertayamum ialah:

1. Tidak menemui air. Ketidaan air merupakan sebab yang jelas dibenarkan untuk bertayamum berdasarkan firman Allah swt:  
Maksudnya:...jika kamu tidak mendapati air (untuk berwuduk dan mandi), maka bertayamumlah dengan permukaan bumi yang bersih...(al-Maidah:6)
2. Orang sakit atau cedera yang bimbang sekiranya menggunakan air akan mendatangkan mudarat
3. Air yang ada hanya mencukupi untuk keperluan harian seperti minum dan memasak
4. Air yang digunakan boleh memudaratakan dirinya”

### **Perbincangan dan Dapatan Tentang Rukhsah Tayamum dalam Kurikulum SAPPs MAIPs**

Tayammum merupakan rukhsah dalam Syariat Islam. Rukhsah dalam kategori ini turut dikenali sebagai Rukhsah al-Tark iaitu seruan Syari' yakni Allah kepada rukhsah disebabkan darurat atau keberhajatan dengan meninggalkan perkara yang diwajibkan. Sekiranya diteliti syarat-syarat dibolehkan bertayamum dalam kurikulum SAPPs MAIPs seperti di atas, syarat pertama iaitu ketiadaan air merupakan rukhsah yang dibenarkan oleh ayat keenam surah al-Maidah.

Adapun syarat kedua iaitu rukhsah untuk menghindari darurat dibenarkan oleh sabda Nabi Muhammad S.A.W dalam hadis riwayat Jabir r.a:

Maksudnya: Kami pernah keluar di dalam satu perjalanan. Salah seorang daripada kami mengalami kecederaan pada bahagian kepala. Kemudian dia berhadas dengan cara mimpi. Dia bertanya kepada para sahabat: ‘Adakah aku diberi kelonggaran untuk bertayamum?’. Mereka menjawab: ‘Tidak ada kelonggaran kerana anda masih ada air’. Lelaki itu mandi hadas lalu mati. Apabila mereka kembali kepada Rasulullah, mereka menceritakan apa yang telah berlaku. Baginda S.A.W. bersabda: ‘Mereka telah membunuhnya, Allah akan membunuh mereka. Jika kamu tidak tahu, mengapa kamu tidak bertanya? Ubat kepada kejahilan ialah bertanya. Sebenarnya memadai kepadanya melakukan tayamum, membalut lukanya dengan perca kain, kemudian menyapu air di atas balutan tersebut dan akhir sekali membasuh seluruh anggota badan yang lain”

Oleh yang demikian, kurikulum SAPPs MAIPs mengaplikasikan pengajaran rukhsah dalam kerangka Fiqh al-Sunnah yakni fiqh yang mengutamakan petunjuk al-Quran dan hadith yang sahih (al-Qaradawi, 2010).

Menyentuh syarat-syarat bertayamum selain daripada syarat pertama dan kedua, syarat keempat tidak disebut khasnya oleh kurikulum Pendidikan Islam KSSR yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Meskipun demikian syarat keempat iaitu rukhsah kerana bimbang air yang digunakan boleh memudaratkan diri seseorang telah mendapat perhatian dan sokongan beberapa fuqaha' mazhab Syafii' antaranya al-Khatib al-Syarbini (2009) dan Dr. Muhammad al-Zuhaili (2011) dalam karya-karya mereka.

Huraian yang mirip kepada sokongan terhadap syarat bertayamum keempat dalam kurikulum SAPPs MAIPs turut dikemukakan oleh Mustafa al-Bugha, Mustafa al-Khin dan Ali al-Syarbaji dalam kalangan fuqaha' Syafiyyah era moden menerusi tulisan mereka iaitu Kitab al-Fiqh al-Manhaji, yang menyebutkan:

Maksudnya: "Terhalang daripada menggunakan air sama ada halangan yang nyata, seperti ada air di tempat yang berhampiran tetapi tidak jauh dari situ pula ada musuh yang ditakuti, ataupun ada halangan syara', iaitu seperti takut menggunakan air kerana bimbang terkena penyakit, dan melambatkan proses penyembuhan. Dalam keadaan yang demikian, dia bolehlah bertayamum dan tidak wajib menggunakan air. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW tentang seorang yang mendapat luka di kepala dan meninggal dunia selepas dia mandi:

Maksudnya: "Dia sepatutnya bertayamum sahaja dan membalut lukanya dengan kain, kemudian menyapunya dan mandi seluruh badannya. Riwayat Abu Daud (336)"

Justeru dalam aspek ini terserlah keunikan kurikulum SAPPs MAIPs yang berikhtiar untuk menerapkan nilai dan pengetahuan yang selari dengan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian murid-murid SAPPs MAIPs. Meskipun syarat keempat ini tidak popular dan tidak meluas pengamalannya dalam masyarakat di Malaysia, perbincangan ini tetap diketengahkan, tambahan pula ia mendapat sokongan daripada fuqaha' syafiyyah sendiri. Oleh itu, kurikulum SAPPs MAIPs turut beridentiti Fiqh al-Maalat iaitu mengeluarkan keputusan fiqh selepas mempertimbangkan kesan yang akan terjadi (Muhammad Shahrul Ifwat, 2022). Maka sifat kurikulum SAPPs MAIPs ini adalah seiring dengan keperluan murid-murid Islam di Negeri Perlis khususnya dan Malaysia amnya.

## Rumusan

Rasulullah SAW adalah pengasas Pendidikan Agama Islam peringkat rendah, yang gigih mendidik umatnya dalam kalangan kanak-kanak, meskipun mereka masih kecil dengan penuh hikmah. MAIPs berusaha mewujudkan sebuah sistem Pendidikan Agama Islam peringkat rendah yang khusus bagi negeri Perlis bermula tahun 2017 dengan mengasaskan Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs.

Rukhsah adalah kelonggaran yang diberikan Allah SWT kepada hamba-Nya pada perkara-perkara yang diringankan-Nya disebabkan wujud keuzuran yang khusus. Tinjauan awal yang dilakukan terhadap kurikulum SAPPs MAIPs mendapati pengaplikasian rukhsah diterapkan menerusi pengajaran tayamum dalam fiqh bersuci bagi subjek ibadat dalam buku teks SAPPs MAIPs Tahun Tiga. Di samping itu, pengaplikasian rukhsah dalam kurikulum SAPPs MAIPs

dilaksanakan dengan mensintesikan antara Fiqh al-Sunnah dan Fiqh al-Maalat dalam pemikiran dan amalan murid-muridnya.

### Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan semua pihak yang terlibat sepanjang proses kajian ini dijalankan.

### Rujukan

- al-Bugha, Mustafa; al-Khin, Mustafa & al-Syarbaji, Ali (2013). *Fiqh al-Manhaji*, j. 1. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Hariri, Ibrahim Muhammad Mahmud (1998). *Al-Madkhal ila al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. Amman: Dar Ammar.
- al-Khatib al-Sharbini, Sham al-Din Muhammad Ibn Ahmad (2000). *Mughni al-Muhtaj*, j. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf Ibn Abdillah (2010). *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- as-Sirjani, Raghib (2011), *Sumbangan Peradaban Islam Pada Dunia*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abu al-Fadl 'Abd al-Rahman Ibn Abi Bakr (1983). *Al-Ashbah wa Nadhair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'i*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- al-Tufi, Sulaiman Ibn 'Abdul Qawi (1987). *Sharh Mukhtasar al-Raudah*. Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turki (tahq.), j. 1. Riyadh: Muassasah al- Risalah.
- al-Zarqa', Ahmad Ibn Muhammad (1989). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Zuhaili, Muhammad (2011). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, j. 1. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Zuhaili, Wahbah (1998). *Nadhariyyah al-Darurah as-Syar'iyyah: Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wadie*, Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor (2020). *Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Perlembagaan Negeri Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (2010). *Lisan al-'Arab*, j. 7 Beirut: Dar Sodir.
- Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ibn Alhmad (1994). *Bidayatul al-Mujtahid wa Nihayatul-Muqtasid*. Abdullah al-Labadi (tahq.). Dimasyq: Dar al-Qalam.
- 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (2000). *Al-Qawa'id al-Kubra bi Qawa'id al-Ahkam fi Islah al-Anam*. Nazih Kamal Hammad & Uthman Jumaah Dhomiriah (tahq.), j. 2. Lebanon: Dar al-Qalam.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2021). Buku Teks Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) – Tahun 3. Kangar
- Mohammad Isyraf Ishak (2021). *Parameter Pelaksanaan Rukhsah Solat Bagi Anggota Bomba dan Trafik Udara Kritikal*. Universiti Islam Malaysia (UIM), Tesis Ijazah Sarjana Pengajian al-Quran dan al-Hadith.
- Mohd Nazim Mohd Noor & Hazman Hassan (2018), *Sirajul Muluk: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Di Bawah Naungan Tiga Putera Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Muhammad Shahrul Ifwat Ishak (2022). *Fiqh al-Maalat: Pertimbangan Implikasi Berteraskan Maqasid al-Syariah*. Malaysia Maqasid Institute

Nidzamuddin Zakaria (2006), Pelaksanaan Mata Pelajaran Al-Qur'an Dalam Program Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA): Tinjauan Keberkesanannya Di Sekolah-sekolah Rendah Kangar Perlis. *Jurnal Ma'alim al-Qur'an wa al-Sunnah Bilangan 2.* 133 – 164.

Shukor Mat (2001), *As-Sunnah di Perlis*. Kangar: MediaONE Publications.